

PEMERIKSAAN TIM HOSPITALITI, LAWATAN PEMANTAUAN DAN MESYUARAT PRESTASI PENSWASTAAN PERKHIDMATAN KATERING (PPK) ATM

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5719-pemeriksaan-tim-hospitaliti-lawatan-pemantauan-dan-mesyuarat-prestasi-penswastaan-perkhidmatan-katering-ppk-atm



KUCHING, 12 Dis 19 – Pemeriksaan oleh Tim Hospitaliti Markas Tentera Udara telah diadakan mulai 10 hingga 13 Dis 19 bertempat di Pangkalan Udara Kuching yang bertujuan untuk mendapatkan keseragaman yang mesti digunakan oleh semua

pangkalan/unit berhubung tatacara pengurusan hospitaliti yang dilaksanakan dan menyelaraskan aspek pengurusan Dewan Makan, stor dan tempat masak dengan cara yang betul.

Selain itu, pemeriksaan ini dapat menjadi ruang penyampaian maklumat berhubung pembangunan kerjaya,khidmat nasihat dan pengurusan kebajikan anggota disamping untuk mendapatkan maklumbalas dari fasilitas dan syarikat konsesi yang terlibat dengan Penswastaan Perkhidmatan Katering (PPK).

Turut hadir AKS Tadbir, Brig Jen Dato' Ahmad bin Abd Rahman TUDM, Pengarah Perkhidmatan, Kol Mohd Khair bin Shaari TUDM, PS 1 Khidmat Materiel, Lt Kol Hj Faizul bin Hj Ismail TUDM dan SME Hospitaliti, Lt Kol Roslan bin Bakar TUDM.